

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah menengah bertaraf PTj di Malaysia. Bab ini menjelaskan reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan kajian, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan kajian, kaedah pengumpulan data melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen, prosedur serta analisis data kuantitatif dan kualitatif berdasarkan model konseptual kerangka kajian yang digunakan.

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan inferensi kerana ia bertujuan untuk meninjau dan meneliti pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah menengah bertaraf pusat tanggungjawab (PTj) dan ia bukan bertujuan untuk menguji mana-mana teori atau hipotesis. Kajian deskriptif boleh menjelaskan dan menghuraikan sesuatu perkara atau keadaan pada sesuatu masa dan membantu menyelesaikan sesuatu masalah melalui pendekatan “sebab dan akibat” (Chen, 1990; Taylor, 2000). Selain itu, kajian ini juga melihat hubungan beberapa pemboleh ubah yang tidak dimanipulasikan dengan amalan sebenar pengurusan kewangan sekolah menengah bertaraf PTj di Malaysia.

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif atau lebih dikenali sebagai *mixed-method* (Creswell dan Clark, 2007). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Menurut Creswell dan Clark (2007) kaedah pengumpulan data melalui kaedah *mixed method* ini telah lama digunakan,

namun menggabungkannya dalam satu reka bentuk kajian adalah satu pendekatan yang baru. Metodologi kajian *mixed method* ini dapat terangkan oleh Creswell dan Clark (2007) sebagai kajian yang melibatkan pengutipan dan menganalisis data melalui kombinasi di antara pendekatan melalui kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif dalam satu kajian.


Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang jelas, tepat dan memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding dengan hanya menjalankan satu kaedah sahaja (Creswell dan Clark, 2007). Selain itu, kaedah ini juga dapat mengimbangkan kelemahan dari kaedah lain. Contohnya, dapatan kaedah kualitatif digeneralisasikan secara terhad sebaliknya kaedah kuantitatif boleh digeneralisasikan untuk tujuan kajian-kajian lain. Dapatan kajian menggunakan kaedah *mixed method* ini lebih menyeluruh, memandangkan terdapat soalan-soalan kajian yang sukar dijawab sekiranya hanya menjalankan satu kaedah sahaja digunakan. Selain itu, pengkaji juga dapat melihat dapatan kajian dari pelbagai perspektif meskipun kajian yang menggunakan kaedah ini mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan menggunakan satu kaedah sahaja kerana kaedah pengumpulan datanya berbeza (Recker, 2007).

Berdasarkan kepada Creswell dan Clark (2007), terdapat empat jenis reka bentuk kajian *mixed method* iaitu Reka bentuk Triangulasi (*Tringulation Design*), Reka bentuk Bertindan (*Embedded Design*), Reka bentuk Penjelasan (*Explanatory Design*) dan Reka bentuk Penerokaan (*Exploratory Design*). Menurut Creswell dan Clark (2007), Reka bentuk Penjelasan (*Explanatory Design*) yang juga dikenali sebagai Reka bentuk Penjelasan Berturutan (*Explanatory Sequential Design*) ini adalah sesuai digunakan untuk kajian penyelidikan pendidikan.

Selain itu, reka bentuk kajian ini adalah sesuai digunakan untuk menjelaskan tentang sesuatu kes yang terpencil, menjelaskan sama ada data signifikan atau tidak signifikan dan menjelaskan kemunculan data-data baru (Morse, 2003). Manakala

Morgan (1998) pula menyatakan bahawa reka bentuk ini sesuai digunakan untuk menjalankan satu kajian kuantitatif dan diikuti pula oleh kajian kualitatif. Seterusnya reka bentuk kajian ini sesuai digunakan kerana pengkaji dapat menggunakan ciri-ciri responden daripada dapatan kuantitatif untuk dijadikan panduan untuk memilih persampelan bertujuan dalam kajian kualitatif yang akan dijalankan seterusnya (Creswell dan Clark, 2007).

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat kajian ini sesuai menggunakan menggunakan Reka bentuk Penjelasan (*Explanatory Design*) berdasarkan saranan Creswell dan Clark (2007), Morgan (1998) dan Morse (2003). Menurut Creswell dan Clark (2007), reka bentuk ini dijalankan melalui dua fasa iaitu kajian kuantitatif dijalankan melalui fasa pertama dan kemudiannya disusuli dengan fasa kedua dengan kajian kualitatif. Seterusnya, laporan penyelidikan dilakukan berdasarkan dapatan daripada dapatan kuantitatif diikuti dengan dapatan kualitatif seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1 (Creswell dan Clark, 2007).



Rajah 3.1 : Reka bentuk Penjelasan (*Explanatory Design*)
Sumber : Creswell dan Clark (2007)

3.3 Populasi dan sampel kajian

Populasi bagi kajian ini adalah sekolah-sekolah menengah bertaraf PTJ di Malaysia yang berjumlah 893 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 54 orang daripada Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP), 90 orang daripada Sekolah Menengah

Teknik, 55 orang daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 452 daripada Sekolah Menengah Harian Semenanjung (SMHB) dan 242 orang daripada Sekolah Menengah Harian Sabah dan Sarawak (SMSS) (lihat Jadual 3.1). Dalam kajian ini sekolah-sekolah rendah, Pejabat Pelajaran Daerah, Pejabat Pelajaran Gabungan yang bertaraf PTj di bawah kendalian Ketua PTj yang sama iaitu Jabatan Pelajaran Negeri adalah terkecuali dari populasi ini. Selain itu Sekolah Menengah Sukan (2 buah) dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas (4 buah) dianggap sebagai SMHB kerana di bawah Ketua PTj yang sama dan bilangannya adalah terlalu kecil (Bahagian Audit Sekolah, 2007; Bahagian Kewangan, 2006).

Menurut Fraenkel dan Wallen (1993), keseluruhan populasi ini adalah merupakan *target population* di mana populasi tersebut mempunyai ciri-ciri responden yang diinginkan dalam kajian. Menurut mereka lagi, sesuatu pemilihan keseluruhan kepada subjek ini bilangannya seharusnya boleh diuruskan, boleh diperoleh atau *accessible population* dan boleh digeneralisasikan serta tidak terbatas kepada sampel dan terjamin.

Jadual 3.1 : Bilangan populasi dan sampel kajian

Jenis sekolah menengah bertaraf PTj	Bahagian/Jabatan yang mengawal selia (Ketua PTj)	Saiz populasi	Bilangan sampel
Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP)	Bahagian Sekolah, KPM	54	24
Sekolah Menengah Teknik (SMT)	Jabatan Pelajaran Teknikal, KPM	90	41
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	Jabatan Pendidikan Agama Islam (JAPIM), KPM	55	25
Sekolah Menengah Harian Biasa Semenanjung Malaysia	Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), KPM	452	203
Sekolah Menengah Harian Biasa Sabah dan Sarawak	Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), KPM	242	109
Jumlah		893	402

Sumber : Bahagian Kewangan (2006) dan Bahagian Audit Sekolah (2007)

Dalam konteks ini, pengkaji berpendapat bahawa populasi kajian adalah berdasarkan maklumat yang lengkap seperti bilangan dan alamat sekolah menengah bertaraf PTj di seluruh negara yang boleh diakses melalui laman web Bahagian Kewangan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sampel kajian adalah diambil daripada bilangan sekolah-sekolah menengah bertaraf PTj di seluruh negara yang mempunyai latar belakang yang berlainan dan dikawal selia oleh Bahagian/Jabatan dalam KPM yang berbeza. Menurut (Creswell, 2005), teknik yang paling sesuai adalah mengikut teknik pensampelan rawak berstrata berkadar (*proportional stratification sampling approach*). Mohd Majid (1998) menyatakannya sebagai pensampelan rawak berlapis yang sesuai digunakan bagi populasi yang tidak seragam. Manakala, Fraenkel dan Wallen (2007) mengkategorikannya sebagai persampelan rawak berstrata kumpulan. Oleh yang demikian, teknik pensampelan rawak berstrata berkadar ini adalah sesuai digunakan kerana bilangan sampel berbeza-beza mengikut Bahagian dan Jabatan yang merupakan Ketua PTj yang mengawal selia sekolah-sekolah tersebut. Sekolah Berasrama Penuh dikawal selia oleh Bahagian Sekolah, KPM. Sekolah Menengah Teknik dikawal selia oleh Jabatan Pelajaran Teknikal (JPTek), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dikawal selia oleh JAPIM dan akhirnya Sekolah Menengah Harian Biasa di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dikawal selia oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) masing-masing.

Menurut Creswell (2005), teknik pensampelan rawak berstrata berkadar adalah teknik yang digunakan kerana populasi yang tidak menunjukkan ketidakseimbangan ciri-ciri bagi suatu sampel. Dalam hal ini pensampelan rawak mudah akan menyebabkan kekurangan sampel bagi kategori tertentu. Pendapat ini disokong oleh Sekaran (1992), yang menyatakan reka bentuk pensampelan rawak berstrata berkemungkinan adalah paling cekap dan dengan bilangan sampel yang sama paling banyak akan memberi

maklumat dengan lebih terperinci. Menurutya lagi, pemilihan sampel yang sama banyak adalah paling sesuai jika terdapat strata populasi yang terlalu kecil dan terlalu besar.

Selain itu, Fraenkel dan Wallen (1993), Roscoe (1975) dan Sekaran (1992) menyatakan saiz minimum bagi sesuatu ujian inferensi adalah 30 orang. Namun, Hair et al. (2006, 2010), Fraenkel dan Wallen (2007), dan Pallant (2007) menyatakan sampel minimum bagi satu kumpulan untuk sesuatu analisis multivariat memadai 20 orang dan Chua (2009) pula menyatakan memadai 15 orang untuk sesuatu kumpulan. Menurut mereka lagi, apa yang lebih penting ialah ujian statistik menunjukkan dapatan adalah bertaburan normal.

Bagi mencapai tujuan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan peratus populasi bagi setiap kumpulan strata. Bagi setiap kumpulan strata peratusan bagi Sekolah Berasrama Penuh (SBP) ialah 6 peratus, Sekolah Menengah Teknik (SMT) ialah 10 peratus, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) ialah 6 peratus, Sekolah Menengah Harian Biasa di Semenanjung (SMHB) ialah 51 peratus dan Sekolah Menengah Harian Biasa di Sabah dan Sarawak (SMSS) ialah 27 peratus. Seterusnya, pengkaji memilih sebanyak 45 peratus bagi setiap strata untuk mendapatkan sampel. Menurut Sekaran (1992), pemilihan reka bentuk pensampelan dan saiz sampel perlu di pertimbangkan dengan teliti kerana saiz sampel yang terlalu besar iaitu melebihi 500 orang akan menyebabkan Ralat Jenis II (*Type II error*) lebih tinggi. Oleh itu, pengkaji berpendapat, peratus yang dipilih adalah bersesuaian kerana jika bilangan sampel yang terkecil ialah 30, bilangan jumlah sampel kajian ini melebihi 500.

Hasilnya, bilangan sampel yang dipilih adalah 402 secara rawak iaitu 24 daripada Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP), 41 daripada Sekolah Menengah Teknik, 25 daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 203 daripada Sekolah Menengah Harian Semenanjung (SMHB) dan 109 orang daripada Sekolah

Menengah Harian Sabah dan Sarawak (SMSS) (lihat Jadual 3.1) Pengkaji juga berpendapat bahawa bilangan sampel ini adalah mencukupi untuk mewakili populasi berdasarkan kepada Sudman (1976), yang menyatakan bahawa bilangan sampel di antara 200 hingga 500 adalah bersesuaian dengan kebanyakan kajian tinjauan. Selain itu, sampel minimum yang dipilih mewakili populasi tersebut dicadangkan oleh *Research Advisor* (2006) oleh Krejcie dan Morgan (1970) ialah 269 (Lampiran B). Ini bermakna, bilangan sampel yang dipilih 402 tersebut adalah lebih besar daripada sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Menurut Fraenkel dan Wallen (1993) lebih besar sampel yang digunakan adalah lebih baik untuk mewakili sesuatu populasi. Manakala, Gay (1996) berpendapat sekiranya jumlah populasi yang kecil, sampel hendaklah besar dan menghampiri populasi agar membolehkan sampel yang dipilih lebih bersifat homogen, lebih representatif dan generalisasi dapat dibuat. Pemilihan bilangan sampel ini juga disokong oleh Roscoe (1975) yang menyatakan bahawa sampel di antara 30 hingga 500 orang adalah bersesuaian dalam sesuatu kajian. Oleh yang demikian, pendapat Chua (2009), Fraenkel dan Wallen (1993, 2007), Hair et al. (2006, 2010), Krejcie dan Morgan (1970), Mohd. Majid (1998), Pallant (2007), Roscoe (1975), Sekaran (1992), Sudman (1976), diguna pakai oleh pengkaji dalam penentuan reka bentuk dan saiz sampel kajian.

Bagi mengelakkan berlakunya bias pensampelan, pengkaji telah menetapkan prosedur, menetapkan masa pentadbiran dan kutipan data, prosedur soal selidik, prosedur soal selidik secara pos dipatuhi dengan menerangkan pentadbiran soal selidik. Surat pemberitahuan akan menyusul jika responden tidak mengembalikan soal selidik.

Manakala, bagi kajian kualitatif pula, bilangan sampel yang dipilih adalah sepuluh orang sebagai subjek kajian iaitu terdiri daripada lima orang pengetua dan lima orang pembantu tadbir kewangan yang ditemu bual. Setiap kategori sekolah diwakili

oleh seorang pengetua dan seorang pembantu tadbir kewangan sekolah. Mereka ini terdiri daripada individu yang berpengalaman sebagai pengamal dalam menguruskan kewangan sekolah serta memenuhi ciri-ciri subjek kajian yang dikehendaki. Jadual 3.2 di bawah memaparkan latar belakang mengenai subjek-subjek dalam temu bual.

Dalam kajian ini, lima jenis sekolah menengah yang di pilih ialah SMT, SBP, SMKA, Sekolah Harian Semenanjung Malaysia dan Sekolah Menengah Harian Sabah atau Sarawak. Menurut Fraenkel dan Wallen (2007), pemilihan sampel secara “*purposive sampling*” atau pensampelan bertujuan adalah sesuai dengan kajian kualitatif. Manakala, menurut Creswell (2005), pemilihan pensampelan bertujuan dari pelbagai latar belakang juga dikenali sebagai “*maximal variation sampling*” adalah bagi membolehkan pengkaji mendapat data yang lebih banyak dan bermakna. Selain itu, kriteria lain pemilihan sampel ini ialah dapat meminimumkan kos, meningkatkan kebolehppercayaan dapatan serta mencakupi elemen-elemen dalam populasi yang diwakili oleh sampel (Mohd. Nasaruddin, 2006).

Jadual 3.2 : Senarai subjek untuk temu bual

Subjek	Jenis sekolah	Jawatan	Jantina	Umur
1	Sekolah Menengah Teknik (SMT)	Pengetua	Perempuan	52 tahun
2	Sekolah Menengah Teknik (SMT)	Pembantu Tadbir	Perempuan	40 tahun
3	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	Pengetua	Perempuan	54 tahun
4	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	Pembantu Tadbir	Perempuan	36 tahun
5.	Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP)	Pengetua	Perempuan	53 tahun
6	Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP)	Ketua Pembantu Tadbir (KPT)	Perempuan	50 tahun
7	Sekolah Menengah Harian Biasa Semenanjung (SMHB)	Pengetua	Lelaki	51 tahun
8	Sekolah Menengah Harian Biasa Semenanjung (SMHB)	Pembantu Tadbir (PT)	Perempuan	53 tahun
9	Sekolah Menengah Harian Sabah (SMSS)	Pengetua	Lelaki	46 tahun
10	Sekolah Menengah Harian Sabah (SMSS)	Ketua Pembantu Tadbir (KPT)	Perempuan	50 tahun

Bilangan subjek yang ditemu bual adalah mencukupi berdasarkan kepada pendapat Gredler (1996) yang menyatakan bilangan antara tujuh hingga 12 subjek adalah bersesuaian. Manakala Creswell (2005) pula menyatakan bilangan antara empat hingga sepuluh subjek adalah bersesuaian dijadikan sampel untuk kajian kualitatif. Oleh yang demikian, pemilihan sepuluh subjek daripada pelbagai latar belakang untuk di temu bual oleh pengkaji adalah bertepatan setelah mengambil kira pandangan Creswell (2005), Fraenkel dan Wallen (2007), Gredler (1996) dan Mohd. Nasaruddin, (2006).

3.4 Kajian rintis

Kajian rintis dilaksanakan adalah bertujuan untuk mendapatkan pengesahan kepada tahap kebolehpercayaan soal selidik kajian yang akan dijalankan supaya hasil dapatan adalah sah dan boleh dipercayai (Merriam, 2001). Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada konsistensi atau kestabilan data yang diperoleh melalui pengumpulan data yang dijalankan (Johnson dan Christensen, 2000; Neuman, 2000). Selain itu, tahap kebolehpercayaan kajian juga bergantung kepada konstruksi dan kandungan item dalam soal selidik tersebut. Manakala, kesahan pula merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap kesesuaian dalam terjemahan dan tindakan yang dilakukan terhadap skor-skor ujian (Johnson dan Christensen, 2000; Neuman, 2000).

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 sampel yang terdiri dari pengetua bagi menjawab soal selidik kajian yang akan dijalankan. Bilangan ini adalah mencukupi bagi satu kajian korelasi (Creswell, 2005). Dalam kajian rintis ini, pengkaji memilih sekolah-sekolah menengah bertaraf PTj di daerah Gombak, Selangor kerana semua kategori sekolah kajian adalah wujud untuk mewakili kategori masing-masing kecuali sekolah menengah harian di Sabah dan Sarawak. Selain itu, pengkaji mendapatkan responden daripada peserta kursus pengurusan kewangan sekolah menengah bertaraf PTj di Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia, Genting Highlands.

Di samping itu, pengkaji juga menjalankan kajian rintis dalam kajian kualitatif. Walau bagaimanapun, tujuan kajian rintis dalam kajian kualitatif adalah berbeza daripada kajian kuantitatif. Ini adalah kerana kajian rintis dalam kuantitatif adalah bertujuan untuk mengesahkan dapatan daripada instrumen yang telah disahkan tahap kebolehpercayaannya. Manakala dalam kajian kualitatif, pengkaji boleh mendapat pengalaman dan lebih bersedia dengan kemungkinan-kemungkinan yang berlaku seperti soalan-soalan yang baru muncul dalam sesi temu bual apabila menjalankan kajian sebenar.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian rintis temu bual berpandukan pendekatan temu bual yang sama sepertimana dalam kajian sebenar kepada seorang pengetua dan seorang pembantu tadbir sekolah mengenai pelaksanaan kewangan sekolah menengah bertaraf PTj. Melalui kajian rintis ini, pengkaji mendapat gambaran secara umum tentang persepsi pengetua dan pembantu tadbir dalam pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah bertaraf PTj dan lebih bersedia untuk menghadapi temu bual yang seterusnya (Wan Zah, 2004). Soalan-soalan bagi temu bual untuk pengetua adalah seperti dalam Lampiran C dan soalan temu bual untuk pembantu tadbir adalah seperti dalam Lampiran D.

3.5 Kesahan dan kebolehpercayaan

Bahagian ini adalah berkaitan dengan maklumat-maklumat berkaitan kesahan kajian dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

3.5.1 Kesahan

Instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi jika instrumen tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Creswell, 2002; Pallant, 2007). Pendapat ini disokong oleh Mohd. Majid (1998) yang menyatakan sesuatu instrumen tersebut

mempunyai kesahan yang tinggi jika darjah kebolehan mengukur apa yang sepatutnya yang diukur adalah tinggi.

Dalam kajian ini, soal selidik dan soalan temu bual adalah di bina oleh pengkaji dan diuji kesahan muka dan kesahan kandungannya. Sehubungan itu, pengkaji merujuk tujuh orang yang pakar dalam bidang kewangan dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah bertaraf PTj di KPM. Mereka adalah terdiri daripada seorang Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB), Bahagian Pengurusan kakitangan kerajaan yang berkhidmat di Bahagian Kewangan, KPM yang menguruskan kewangan sekolah-sekolah PTj, seorang daripada Bahagian Audit Sekolah yang mengaudit kewangan sekolah-sekolah PTj, dua orang Pensyarah Kanan di Institut Aminuddin Baki (IAB) yang mengendalikan latihan pengurusan kewangan bertaraf PTj dan pernah membuat kajian mengenai kewangan sekolah, seorang pensyarah di Universiti Malaya yang memberi kuliah mengenai pengurusan kewangan sekolah, seorang pengetua yang menguruskan kewangan sekolah PTj dan seorang Ketua Pembantu Tadbir (KPT) yang membantu pengetua menguruskan kewangan sekolah PTj. Profil ringkas mengenai pakar adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran E.

Segala komen dan teguran yang diterima daripada pakar-pakar ini diambil kira dan diguna pakai bagi memantapkan lagi maksud, bahasa dan kandungan soal selidik dan soalan temu bual yang digunakan. Pembinaan item dalam soal selidik adalah berpandukan kepada beberapa dokumen penting untuk melaksanakan pengurusan kewangan sekolah menengah bertaraf PTj di Malaysia. Antara dokumen tersebut ialah: (i) Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), KPM 2006-2010, (ii) Soal selidik kajian kebolehlaksanaan pemberian geran ke sekolah di Negeri Sabah, (iii) Perluasan sekolah harian sebagai PTj tahun 2005 oleh Bahagian Kewangan, KPM, (iv) Senarai semakan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, KPM, (v) Senarai semak penyata kewangan tahunan sekolah oleh Bahagian Audit Sekolah, KPM, dan (iv) Modul

dan Nota Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah Bertaraf PTj oleh Institut Aminuddin Baki (IAB), KPM.

Manakala, kesahan konstruk sesuatu soal selidik boleh diukur dengan menggunakan nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor berkenaan. Hal ini dapat dilakukan dengan menggunakan analisis korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut konstruk berkenaan. Menurut Abu Bakar (1987), nilai pekali korelasi yang minimum dan boleh diterima pakai adalah 0.30. Manakala, Nunally dan Berstein (1994) menyatakan nilai korelasi antara item dengan jumlah skor yang melebihi 0.25 adalah dianggap tinggi. Cohen (1988) pula menyatakan, nilai korelasi antara 0.10 hingga 0.29 adalah dianggap kecil, nilai pekali korelasi antara 0.30 hingga 0.49 dianggap sederhana dan nilai pekali korelasi antara 0.50 hingga 1.00 adalah dianggap tinggi.

Selain itu, Norusis (1977) menyatakan kesahan instrumen boleh dilihat pada nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlation*) iaitu pekali korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor tanpa item berkenaan. Oleh yang demikian, dalam konteks menentukan kesahan konstruk soal selidik, kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu, (i) menggunakan nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor, dan (2) menggunakan nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlation*). Manakala nilai *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk dalam soal selidik tersebut. Hasil analisis yang dilakukan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini dipaparkan dalam jadual-jadual dalam Lampiran A

Berdasarkan analisis jadual-jadual tersebut, nilai korelasi skor item dengan jumlah skor dan nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlation*) menunjukkan nilai yang melebihi 0.30. Hal ini dapat memberi

rumusan bahawa item mempunyai nilai kesahan yang tinggi sebagaimana yang disarankan oleh Abu Bakar (1987), Cohen (1988), Norusis (1977), dan Nunally dan Berstein (1994).

3.5.2 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman soal selidik (Creswell, 2002; Pallant, 2001; Sekaran, 1992). Bagi mengukur ketekalan dalaman sesuatu konstruk, nilai *Cronbach Alfa* sering kali dirujuk. (Cronbach, 1946; Norusis, 1977). Sehubungan itu, dalam kajian rintis ini data-data yang telah dikumpulkan dan diukur tahap kebolehpercayaannya menggunakan Ujian Statistik *Cronbach's Alpha* dalam perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* versi 11.5.

Pernyataan ini disokong oleh Mohd Majid (1998) dan Pallant (2007) yang menyatakan nilai *Cronbach Alfa* yang melebihi 0.60 sering kali digunakan dalam mengukur indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian. Bagi Sekaran (1992) pula, nilai *Cronbach Alfa* yang kurang dari 0.60 tidak boleh diterima, nilai di antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima dan nilai yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Oleh yang demikian, dalam menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian, pengkaji memilih menggunakan nilai *Cronbach Alfa* berdasarkan pandangan Creswell, (2002), Mohd Majid (1998), Pallant (2001, 2007) dan Sekaran (1992).

Jadual 3.3 : Nilai Cronbach Alfa

Aspek		Nilai <i>Cronbach Alfa</i>
Bahagian C	Kejelasan pengetua mengenai pengurusan kewangan PTj	0.84
Bahagian D	Kuasa autonomi pengetua membuat keputusan kewangan sekolah PTj	0.70
Bahagian E	Kawalan proses pengurusan kewangan sekolah PTj	
E1	Pengurusan kewangan terimaan dan pungutan	0.97
E2	Pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit	0.95
E3	Pengurusan pembelian dan pembayaran	0.93
E4	Pengurusan penyata kewangan tahunan sekolah	0.91
E5	Pengurusan aset kerajaan	0.95
E6	Pengurusan buku vot dan buku tunai cerakinan	0.92

Berdasarkan Jadual 3.3, nilai *Cronbach Alfa* menunjukkan nilai yang melebihi 0.70. Hal ini dapat memberi kesimpulan bahawa soal selidik kajian mempunyai nilai ketekalan dalaman konstruk yang tinggi sebagaimana yang disarankan oleh Mohd Majid (1998), Pallant (2007) dan Sekaran (1992).

Sebagai rumusan mengenai kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik, pengkaji telah menggunakan tujuh orang panel pakar yang terlibat dalam menentukan kesahan muka dan kesahan kandungannya. Manakala kesahan konstruk pula ditentukan oleh, (i) nilai korelasi skor item dengan jumlah skor dan (ii) nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlation*). Seterusnya, dalam menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian, pengkaji memilih menggunakan nilai *Cronbach Alfa* berdasarkan pandangan Creswell (2002), Mohd Majid (1998), Pallant (2001, 2007) dan Sekaran (1992). Penentuan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini membolehkan pengkaji ini untuk mencapai objektif kajian yang kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam.

3.6 Kaedah pengumpulan data

Secara umumnya, menurut Fraenkel dan Wallen (1993), data bermaksud segala yang diperoleh oleh pengkaji daripada subjek dalam kajian yang dijalankan. Data juga bermaksud angka, kejadian atau fakta kasar yang diolah mengikut keperluan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel kepada pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua jenis data. Pertama, data primer (*primary*) sebagai data kuantitatif, iaitu data-data yang di kumpul melalui soal selidik. Kedua, data sekunder (*secondary*) sebagai data kualitatif iaitu data-data yang dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen.

Data-data soal selidik, pemerhatian, temu bual dan semakan dokumen yang bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan pengurusan kewangan di sekolah-sekolah menengah bertaraf PTj di Malaysia. Menurut Mohamad Nor (2000), untuk menentukan pengutipan data soal selidik yang sah, prinsip pengumpulan data yang perlu diberikan keutamaan ialah maklumat yang boleh dipercayai, maklumat daripada punca yang sah, maklumat yang relevan, dan data dapat dianalisis dengan statistik. Bagi melicinkan pemungutan data, pengkaji telah mengemukakan surat-surat kebenaran daripada Bahagian Perancangan, Pengkajian dan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Lampiran F), surat kelulusan daripada Ketua PTj iaitu Bahagian dalam KPM atau Jabatan Pelajaran Negeri (Lampiran G1-G17) dan surat pengenalan diri dari pihak universiti kepada individu yang terlibat (Lampiran H). Selain itu, pengkaji juga telah membuat lawatan awal ke sekolah untuk menjalin hubungan baik awal dengan responden-responden yang terlibat.

Bagi memantapkan pengumpulan data, kaedah triangulasi akan digunakan. Menurut Krathwohl (1993), triangulasi ialah satu proses yang menggunakan lebih dari satu sumber untuk mengesahkan maklumat, mengesahkan data dari sumber-sumber yang berbeza, mengesahkan satu pemerhatian daripada pemerhatian yang lain dan

mengesahkan maklumat dari pelbagai teknik yang lain. Penggunaan triangulasi ini juga dapat meningkatkan kesahan sesuatu kajian (Fraenkel dan Wallen, 1993). Triangulasi melalui kaedah boleh dianalisis melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif yang juga dikenali sebagai "*multi-method approach*" dalam penyelidikan, iaitu data-data yang dipungut melalui soal selidik (data primer) akan dianalisis melalui kaedah kuantitatif, manakala temu bual, pemerhatian dan dokumen (data sekunder) akan dianalisis secara kualitatif. Pungutan data daripada kualitatif bertujuan untuk melengkapkan, memantapkan dan mengukuhkan data yang diperoleh daripada sumber utama (Creswell dan Clark, 2007; Fraenkel dan Wallen, 1993). Pendapat ini disokong oleh Bogdan dan Biklen (1998), menurut beliau lebih banyak data yang dikumpulkan dari pelbagai sumber adalah lebih baik bagi mengetahui fenomena kajian.

Dalam kajian ini, soal selidik ditadbir secara pos. Menurut Mohd Majid (1998), penghantaran melalui pos sesuai membolehkan lebih ramai subjek dapat dikaji dan kajian dapat dikaji meliputi kawasan yang luas segera. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat pentadbiran melalui pos adalah sesuai kerana lokasi kajian adalah jauh dan meluas meliputi seluruh negara. Selain itu, penghantaran soal selidik melalui pos adalah sangat berfaedah dari segi penjimatan masa, tenaga dan kos perbelanjaan pendidikan. Begitu juga dengan gerak balas subjek yang tidak dipengaruhi oleh kehadiran pengkaji membolehkannya memberi gerak balas yang lebih tepat tanpa prejudis khususnya dalam memberi maklumat yang berkaitan dengan kewangan sekolah.

Walau bagaimanapun, menurut Mohd Majid (1998) lagi, kelemahan utama penghantaran soal selidik melalui pos ini adalah untuk mendapatkan kerjasama subjek menjawab dengan lengkap serta memulangkan soal selidik dengan sempurna. Kadar pulangan soal selidik yang rendah dan tidak lengkap mengancam ketepatan maklumat

dan keadaan ini bukan sahaja mengurangkan saiz sampel malah akan menghasilkan maklumat yang pincang.

Bagi tujuan meningkatkan keberkesanan penggunaan soal selidik melalui pos, menurut Mohd Majid (1998), terdapat empat peringkat iaitu penghantaran dan penerimaan soal selidik, menjawab soal selidik, memulangkan soal selidik dan menghubungi responden. Sehubungan itu, dalam meningkatkan keberkesanan penggunaan soal selidik melalui pos, pengkaji telah berusaha meningkatkan kualiti soal selidik dan melengkapkan maklumat mengenai subjek kajian terutamanya dari segi alamat yang lengkap dan nombor telefon untuk di hubungi. Selain itu pengkaji juga memberi siri nombor kepada soal selidik agar dapat mengetahui subjek yang tidak dapat memulangkan soal selidik. Pengkaji juga menyediakan sampul surat berselem yang mencukupi dan beralamat sendiri untuk membolehkan responden mengembalikannya dengan mudah. Soal selidik yang telah dapat dipungut adalah 277 dan ini bermakna hampir 69 peratus soal selidik dikembalikan. Menurut Mohd Majid (1998), Fraenkel dan Wallen (2007) soal selidik yang dapat dikutip lebih dari 60 peratus adalah mencukupi dan tidak memerlukan pengutipan data ulangan. Bagi sekolah-sekolah di kawasan Sabah dan Sarawak, pengkaji telah menghantar soal selidik secara ulangan kerana meliputi kawasan yang jauh dan luas.

3.6.1 Soal selidik

Soal selidik ialah satu set soalan untuk mendapatkan maklumat sesuatu pengkajian (Ghazali, 2003). Soal selidik adalah digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian kerana ia adalah merupakan cara yang paling berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai (Wiersma, 2000: Fraenkel dan Wallen, 1993). Manakala, menurut Mohd Sheffie (1995), soal selidik merupakan nadi bagi menjalankan pengkajian kuantitatif kerana ia adalah penghubung di antara pengkaji

dengan responden. Soal selidik boleh ditadbir dengan cepat, mudah dan meliputi kawasan yang luas di samping mempunyai faedah dari segi kos dan masa. Oleh yang demikian, tidak hairan penggunaan soal selidik ini merupakan salah satu kaedah yang paling popular dalam kalangan pengkaji-pengkaji kerana mudah ditadbir dengan baik (Mohamad Najib, 1999). Contoh soal selidik kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran I.

Dapatan kajian kuantitatif ini kemudiannya digunakan dalam kajian kualitatif berikutnya. Hal ini penting bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih mendalam tentang pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah PTj supaya kajian ini lebih menyeluruh (Ardalan, 2003; Gay, 1996; Ornstein, 1991).

Menurut Fraenkel dan Wallen (1993), item dalam soal selidik yang baik adalah mengikut empat kriteria utama iaitu, soalan yang tepat dengan maksud yang ditulis, soalan yang dipersetujui oleh responden untuk menjawab, soalan yang dapat dijawab dan soalan yang tidak bias. Item dalam soal selidik dalam kajian ini adalah terdiri daripada soalan berbentuk *close-ended*, *check list* dan *semi-structured*.

Item dalam soal selidik di bahagikan kepada lima bahagian iaitu Bahagian A, B, C D dan E. Bahagian A adalah berkaitan dengan maklumat dan latar belakang responden. Manakala, Bahagian B untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan tentang kewangan dalam melaksanakan pengurusan kewangan PTj, Bahagian C adalah berkaitan tahap kejelasan pengetua mengenai sekolah PTj yang melibatkan sepuluh item yang berkaitan dengan ciri-ciri PTj seperti mana yang dikemukakan oleh Perin (1996a) dan Strauss dan Curry (2002). Manakala Bahagian D adalah berkaitan dengan tahap autonomi pengetua mengenai pengurusan kewangan sekolah yang melibatkan melibatkan lima item yang mencakupi lima aspek dalam pembuatan keputusan pengurusan kewangan iaitu perancangan kewangan, pengagihan peruntukan, menambahkan pendapatan, membelanjakan peruntukan dan kawalan pengurusan

kewangan (Garner, 2004; Gawlik, 2008; O' Sullivan). Manakala Bahagian E pula, terdapat enam sub bahagian iaitu E1, E2, E3, E4 E5, dan E6 yang mencakupi bidang-bidang dalam amalan proses pengurusan kewangan sekolah (Bahagian Audit Sekolah, 2007; Bahagian Kewangan, 2002; IAB, 2005).

Dalam Bahagian A dan Bahagian B, soalan dikemukakan adalah berbentuk senarai semak (*check list*), separa berstruktur (*semi-structured*) dan soalan terbuka berstruktur (*open-ended structured*). Manakala dalam Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E adalah menggunakan skala likert lima poin (lihat Jadual 3.4).

Skala likert lima poin dipilih kerana yang menurut Kerlinger dan Lee (2000), data-data tersebut adalah boleh diandaikan sebagai "*equal interval*" membolehkannya mudah dianalisis menggunakan ujian statistik berparameter. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat bahawa item dalam soal selidik kajian ini boleh menjawab soalan kajian seterusnya mencapai objektif kajian.

3.6.2 Temu bual

Menurut Patton (1990), temu bual boleh disifatkan sebagai satu saluran kepada pengkaji untuk mendekati dunia peserta kajian dan juga memahami apa sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka. Perkara ini penting kerana salah satu daripada tujuan kajian ini adalah untuk memahami proses pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah menengah bertaraf PTj berdasarkan pengalaman dan persepsi pengetua dan pembantu tadbir itu sendiri. Selain itu ia juga merupakan satu cara pengumpulan data yang amat efisien yang melibatkan interaksi sosial untuk mendapatkan data yang mencukupi daripada subjek (Ahrens, 2004; Ghazali, 2003).

Dalam kajian ini, pengkaji telah meminta kebenaran daripada subjek terlebih dahulu untuk ditemu bual. Temu bual dilakukan kepada sepuluh orang subjek yang

Jadual 3.4 : Pemetaan soalan kajian, item soal selidik dan kandungan item soal selidik

Soalan kajian	Item soal selidik	Kandungan item soal selidik
1. Apakah maklumat punca-punca kewangan sekolah menengah bertaraf PTJ?	Bahagian A dan B Maklumat punca-punca dan maklumat kewangan sekolah PTj	<ul style="list-style-type: none"> • Demografi kajian • Latar belakang sekolah • Punca-punca kewangan sekolah • Jenis kumpulan wang yang diselenggarakan • Sub waran peruntukan • Tempoh masa peruntukan di terima • Anggaran waran peruntukan dan PCG 2007 • Prestasi kewangan sekolah yang lalu
2. Sejauh manakah tahap kejelasan pengetua sebagai pelaksana pengurusan kewangan sekolah bertaraf PTj?	Bahagian C Kejelasan pengetua [C1 – C10]	<ul style="list-style-type: none"> • Belanjawan berdasarkan misi dan visi sekolah • Akauntabiliti pengurus • Kuasa autonomi • Belanjawan mengikut keperluan sekolah • Menambahkan sumber-sumber kewangan. • Kawalan perbelanjaan • Fleksibiliti dalam perbelanjaan • Pemikiran dan budaya keusahawanan • Penyediaan pangkalan data-data dan rekod kewangan yang lengkap • Penyediaan laporan prestasi aktiviti yang dijalankan
3. Sejauh manakah tahap autonomi pengetua sekolah membuat keputusan dalam pengurusan kewangan di sekolah bertaraf PTj?	Bahagian D Kuasa autonomi [D1 - D5]	<ul style="list-style-type: none"> • Belanjawan • Pengagihan peruntukan • Penambahan pendapatan • Perbelanjaan peruntukan • Kawalan pengurusan kewangan
4. Sejauh manakah tahap kawalan dalam proses pengurusan kewangan sekolah PTj yang meliputi (i) pengurusan terimaan dan pungutan, (ii) pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit, (iii) pengurusan pembelian dan pembayaran, (iv) pengurusan penyata kewangan tahunan sekolah, (v) pengurusan aset dan (vi) pengurusan buku vot dan buku tunai cerakinan?	Bahagian E : [E1-E6] E1 (Item 1-14) E2 (Item 1-14) E3 (Item 1-14) E4 (Item 1-14) E5 (Item 1-14) E6 (Item 1-14)	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap amalan-amalan proses pengurusan kewangan sekolah • pengurusan terimaan dan pungutan, • pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit, • pengurusan pembelian dan pembayaran, • pengurusan penyata kewangan tahunan sekolah, • pengurusan aset kerajaan dan • pengurusan buku vot dan buku tunai cerakinan?
5. Adakah terdapat perbezaan dalam tahap kejelasan pengetua, tahap autonomi pengetua dan tahap kawalan proses pengurusan kewangan mengikut jenis sekolah?	Bahagian C, D dan E	<ul style="list-style-type: none"> • Perbezaan mengikut jenis sekolah
6. Adakah terdapat korelasi di antara kejelasan pengetua, kuasa autonomi dan kawalan pengurusan kewangan sekolah PTj?	Bahagian C, D dan E	<ul style="list-style-type: none"> • Korelasi
7. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah dalam melaksanakan pengurusan kewangan sekolah PTj?	Bahagian B Item B24 (soalan terbuka)	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah-masalah pelaksanaan

terdiri dari seorang pengetua dan seorang pembantu tadbir di sekolah yang sama bagi setiap lima sekolah menengah bertaraf PTJ yang berlainan kategori sekolah. Sekolah-sekolah yang dipilih adalah mengikut pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) seperti yang telah dinyatakan di dalam bab yang awal. Pemilihan subjek kajian juga mengambil kira tujuan “*maximal purposive sampling*” agar hasil dapatan dari pelbagai latar belakang subjek akan mendapatkan maklumat yang lebih bernilai kepada kajian ini (Creswell, 2005).

Temu bual dilakukan secara intensif di mana pengkaji telah mempunyai item-item soalan yang telah dibina terlebih dahulu secara berstruktur. Soalan-soalan temu bual juga lebih tertumpu pada dapatan-dapatan kajian kuantitatif yang memerlukan penjelasan lebih lanjut. Hal ini bertujuan supaya penyoalan lebih fokus dan tepat agar subjek tidak memberi maklumat yang menyimpang dari topik kajian (Berg, 2007; Ghazali, 2003). Temu bual ini diadakan di lokasi bagi memudahkan pengkaji membuat semakan dokumen dan pemerhatian sekali gus. Cara temu bual dilakukan dalam beberapa fasa untuk menjaga kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*). Setiap fasa mengambil masa selama 30 hingga 45 minit untuk mengelakkan subjek bosan. Berikut adalah tiga fasa temu bual seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.5 di bawah ini.

Tempoh keseluruhan kajian lapangan untuk mendapatkan data kualitatif adalah selama 6 bulan. Oleh kerana tempat kajian adalah berasingan dan jauh di antara satu sama lain, pengkaji mengambil masa seminggu untuk melaksanakan ketiga-tiga fasa kajian kualitatif bagi sesebuah sekolah kajian. Setiap sekolah mempunyai dua subjek kajian iaitu pengetua dan pembantu tadbir yang di temu bual secara bergilir-gilir.

Jadual 3.5 Fokus temu bual

Fasa	Fokus temu bual
Fasa 1	Sesi pengenalan dan mendapatkan latar belakang dan maklumat sekolah termasuklah kejayaan dan keunikan sekolah secara lisan.
Fasa 2	Sesi lebih berfokus kepada persoalan kajian yang memerlukan penjelasan lanjut.. Persoalan-persoalan tersebut termasuklah pengurusan kewangan sebelum dan selepas PTj dalam perancangan, perakaunan, pelaporan, pengauditan dan kawalan daripada peruntukan yang diperoleh.
Fasa 3	Sesi lebih berfokus kepada pemantauan dan penyeliaan dilakukan dengan membuat semakan dokumen dan pemerhatian

Selain itu, pengkaji melaksanakan temu bual mengikut protokol temu bual seperti dalam Lampiran J. Temu bual yang dijalankan dalam bentuk formal dan tidak formal. Fungsi temu bual dalam kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat-maklumat lisan dalam bentuk deskriptif iaitu pemerihalan apa yang difahami oleh pengkaji mengenai sesuatu peristiwa, aktiviti, kejadian dan sebagainya. Temu bual membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan, pengalaman, memahami apa yang sebenarnya telah dialami dan difikirkan oleh subjek (Bogdan dan Biklen, 1998). Selain itu, menurut Mohamad Najib (1999), temu bual adalah merupakan satu cara yang boleh memberi maklumat tambahan yang penting, terperinci yang tidak mungkin terdapat dalam soal selidik.

Dalam kajian ini, temu bual secara tidak formal juga dijalankan oleh pengkaji dengan pengetua dan pembantu tadbir adalah untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang mereka dan organisasi sekolah serta mewujudkan kebiasaan dan hubungan akrab (Marohaini, 2004). Setiap sesi temu bual tersebut akan dirakamkan menggunakan pita rakaman untuk merekodkan maklumat. Pengkaji meminta kebenaran subjek terlebih dahulu sebelum rakaman dibuat bagi menjaga hubungan yang lebih selesa dan kepercayaannya dalam mendapatkan lebih maklumat. Sebaik-baik sahaja

tamat sesi temu bual, pengkaji akan terus membuat transkripsi bagi mengesan maklumat penting yang belum memadai, supaya dapat ditanya kembali pada sesi temu bual yang berikutnya. Menurut Norani (2004), etika dalam pengkajian ini penting kerana persetujuan berpengetahuan (*informed consent*) adalah merupakan persetujuan yang diberikan oleh seseorang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap diri atau mereka yang di bawah jagaannya. Persetujuan diberi berasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman mereka.

Kutipan data secara kualitatif ini dilaksanakan berdasarkan lima kali selama seminggu bagi ketiga-tiga fasa kajian, tempat, tarikh dan masa yang telah ditentukan seperti dalam Jadual 3.6 di bawah ini.

Jadual 3.6 : Jadual kutipan data secara kualitatif

Bil.	Peringkat	Tempat kajian	Tarikh	Masa
1	Kajian (Fasa 1-3)	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	11 Ogos 2008 hingga 21 Ogos 2008	8.00 pagi hingga 4.00 petang
2	Kajian (Fasa 1-3)	Sekolah Menengah Harian Semenanjung Malaysia	25 Ogos 2008 hingga 29 Ogos 2008	8.00 pagi hingga 4.00 petang
3	Kajian (Fasa 1-3)	Sekolah Menengah Teknik (SMT)	8 September 2008 hingga 19 September 2008	8.00 pagi hingga 4.00 petang
4	Kajian (Fasa 1-3)	Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP)	22 September 2008 hingga 30 September 2008	8.00 pagi hingga 4.00 petang
5	Kajian (Fasa 1-3)	Sekolah Menengah Harian Sabah/Sarawak	3 November 2008 hingga 8 November 2008	8.00 pagi hingga 4.00 petang

Selepas itu pengkaji mengambil masa lebih kurang seminggu untuk membuat transkripsi dapatan temu bual bagi kedua-dua subjek supaya sekiranya terdapat maklumat tertinggal, pengkaji boleh segera mendapatkannya semula. Berdasarkan ini, pengkaji dapat mengekalkan kesahan data dan kebolehpercayaannya dari kebarangkalian terlupa, kehilangan, tercicir dan tidak lengkap. Selain itu, pengkaji mengambil masa untuk tidak berada di lapangan kerana ia boleh memberi kerehatan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian yang lebih konsisten.

Perancangan menemu bual subjek pada pertengahan tahun adalah untuk mendapatkan maklumat dari subjek kerana pada peringkat ini, sekolah telah mempunyai bilangan transaksi kewangan yang banyak kerana pembelian barang-barang sekolah telah dilakukan seawal sesi persekolahan bermula. Tambahan pula, jika di peringkat awal sesi persekolahan, subjek agak sibuk dengan pelbagai tugas pentadbiran seperti menghadiri mesyuarat, berkursus, mendengar taklimat dan mengadakan aktiviti-aktiviti dan program rutin sekolah. Sekiranya keadaan ini berlaku, tarikh dan masa untuk menemu bual subjek terpaksa ditangguhkan di masa hadapan.

3.6.3 Pemerhatian

Dalam kajian ini, teknik pemerhatian adalah penting terutama apabila menyiasat proses pelaksanaan penyelenggaraan rekod-rekod kewangan oleh pembantu tadbir dan pemantauan oleh pengetua sekolah. Menurut Patton (1990), teknik pemerhatian adalah penting kerana pengkaji dapat menyiasat di peringkat proses pelaksanaan dengan lebih mendalam dan memberi lebih maklumat yang realistik. Pendapat ini disokong oleh Bogdan dan Biklen (1998) yang menyatakan bahawa pengkaji boleh menentukan proses secara terus melalui pemerhatiannya.

Dalam kajian ini, pengkaji dapat menyiasat dan meneroka bagaimana pengetua dan pembantu tadbir menguruskan kewangan di sekolah. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji dapat memahami dan menganalisis dengan mudah setiap aktiviti-aktiviti yang berlaku. Kajian berfokus kepada teknik pemerhatian adalah di peringkat ketiga iaitu setelah sesi temu bual dijalankan terhadap subjek. Pemerhatian juga dilakukan dalam semua aspek gerak geri, komunikasi badan dan memek muka semasa sesi temu bual. Pemerhatian ini akan di diskripsi oleh pengkaji sebagaimana yang difahami yang dapat memberi penjelasan bagaimana amalan pengetua dan pembantu tadbir menguruskan

kewangan sekolah dengan lebih cemerlang. Protokol dalam menjalankan pemerhatian ini adalah seperti dalam Lampiran K.

3.6.4 Semakan dokumen

Selain itu, pengkaji juga membuat semakan dokumen dan membuat pengimbasan kepada dokumen yang dikenal pasti dapat menjawab soalan kajian dan mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan maklumat kajian. Aktiviti-aktiviti pengetua dalam pengurusan kewangan adalah termasuk perancangan, memberi arahan kepada pembantu tadbir mengenai tugas-tugas yang harus dilakukannya, menurunkan kuasa jika perlu, membuat pemantauan, menyemak dan mengesahkan buku akaun dan dokumen, meluluskan perbelanjaan, mengadakan perbincangan dan mesyuarat.


Manakala aktiviti pembantu tadbir adalah menyediakan dan menyelenggarakan buku-buku kewangan, mengesahkan dokumen diterima, merekodkan semua transaksi perbelanjaan, menyimpan dokumen rekod-rekod kewangan dengan kemas dan teratur, mengesahkan penyediaan, membuat laporan terkini dan mendapatkan kelulusan pengetua. Dokumen-dokumen yang berkaitan adalah seperti surat punca kuasa, pekeliling-pekeliling yang berkaitan, lembaran kerja, penyata-penyata, carta-carta, statistik dan lain-lain. Protokol bagi menjalankan semakan dokumen adalah seperti dalam Lampiran L.

3.7 Prosedur dan analisis data

Data-data kajian ini dianalisis mengikut tiga fasa. Dalam fasa pertama, data-data kajian dikumpul menggunakan soal selidik dan kemudiannya data-data kuantitatif tersebut dianalisis. Kemudian, dalam fasa kedua pengkaji mengenal pasti data-data kuantitatif yang memerlukan penerangan lanjut iaitu kes-kes terpencil (*outliers*), kes-kes

melampau (*extreme cases*), data signifikan, data tidak signifikan, data demografi dan data-data perbandingan kumpulan (Creswell dan Clark, 2007).

Akhirnya, dalam fasa ketiga, pengkaji menjalankan kajian kualitatif dengan mengambil kira kes-kes tersebut dan seterusnya membuat laporan penyelidikan berdasarkan dapatan kuantitatif dan dapatan kualitatif tersebut. Prosedur analisis data berterusan dalam *Explanatory Design* dapat ditunjukkan seperti dalam Rajah 3.2 di bawah ini (Creswell dan Clark, 2007). Seterusnya, pengkaji membuat laporan penyelidikan dengan berdasarkan analisis data-data kuantitatif dan data-data kualitatif selanjutnya merumuskan dapatan-dapatan kajian tersebut dan dapat menjawab persoalan-persoalan kajian.



Rajah 3.2 : Prosedur analisis data berturutan dalam *Explanatory Design*
 Sumber: Creswell dan Clark (2007)

3.7.1 Analisis data kuantitatif

Bagi tujuan penganalisan data dapatan kajian kuantitatif, pengkaji menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* Versi 11.5 berdasarkan analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Menurut Ananda (2007), SPSS adalah merupakan satu perisian penganalisan data yang canggih dan mudah digunakan

khususnya bidang sains sosial. Perisian ini bukan sahaja digunakan dalam bidang pendidikan malah turut digunakan dalam perniagaan dan perubatan.

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjawab soalan pertama hingga soalan empat kajian. Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan latar belakang mengenai sekolah menengah bertaraf PTj di Malaysia, menentukan tahap kejelasan pengetua, menentukan tahap kuasa autonomi dan menentukan tahap kawalan pengurusan kewangan sekolah. Oleh yang demikian, analisis deskriptif yang menggunakan peratus dan taburan kekerapan, skor min dan sisihan piawai adalah paling sesuai digunakan agar pengkaji mendapat maklumat yang lebih luas dan menyeluruh, terperinci, dan tepat seperti mana yang dikehendaki dalam objektif kajian. Menurut Pallant (2007), sesuatu analisis kajian itu hendaklah bersesuaian dengan objektif kajian agar dapat maklumat yang lebih tepat, menyeluruh dan lebih bermakna.

Selain itu bagi analisis tahap pengukuran, skor min diukur berdasarkan Jadual 3.7 pengukuran skor min dan interpretasi oleh Pallant (2007). Jadual pengukuran tahap skor min oleh Pallant (2007) ini adalah berdasarkan kepada tiga tahap iaitu nilai skor min 1.00 hingga 2.33 adalah pada tahap rendah, nilai skor min 2.34 hingga 3.66 adalah pada tahap sederhana, dan nilai skor min 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi. Menurut Pallant (2007), skor min tiga tahap ini adalah lebih sesuai dan lebih mudah untuk melihat perbezaan tahap.

Jadual 3.7 : Skor min dan interpretasinya

Skor min	Interpretasi (tahap)
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Sumber : Pallant (2007)

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian-kajian lain menggunakan lima tahap pengukuran skor min iaitu tahap sangat rendah (nilai skor min 1.00 - 1.80), tahap rendah

(nilai skor min 1.81 - 2.60), tahap sederhana (nilai skor min 2.61 - 3.40), tahap tinggi (nilai skor min 3.41 - 4.20) dan tahap sangat tinggi (nilai skor min 4.21 - 5.00) (BPPDP, 2006b). Manakala, Nunally dan Bernstein (1994) juga menggunakan lima tahap pengukuran iaitu tahap rendah (nilai skor min 1.00 - 2.00), tahap sederhana rendah (2.01- 3.00), tahap sederhana tinggi (nilai skor min 3.01 - 4.00) dan tahap tinggi (nilai skor min 4.01 - 5.00). Selain itu pengkaji juga menggunakan *SPSS* untuk membentuk carta garisan skor min kerana menurut Mohd. Majid (1998), penggunaan carta garisan adalah lebih mudah dan mampu memberi pemahaman yang lebih cepat dan lebih bermakna. Menurut Feild (2009), penggunaan carta garisan adalah sama dengan carta bar, tetapi yang membezakannya ialah penggunaan garisan berbanding menggunakan bar.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pandangan Ananda (2007), BPPDP, (2006b), Pallant (2007), serta Nunally dan Bernstein (1994), pengkaji berpendapat bahawa tahap pengukuran skor min yang menggunakan tiga tahap oleh Pallant (2007) adalah sesuai dalam kajian ini. Ini adalah kerana ia lebih ringkas, tepat dan lebih bermakna berbanding menggunakan lima tahap yang mirip seperti peringkat dalam skala Likert lima poin.

Analisis statistik inferensi pula digunakan bagi menjawab soalan lima dan enam. Objektif soalan lima adalah untuk menentukan sama ada dalam tahap kejelasan pengetua, tahap kuasa autonomi dan tahap kawalan pengurusan kewangan sekolah mempunyai perbezaan mengikut jenis sekolah. Manakala, objektif soalan enam pula adalah untuk menentukan sama ada terdapat korelasi yang signifikan di antara kejelasan pengetua, kuasa autonomi pengetua dan kawalan pengurusan kewangan sekolah dalam kajian ini.

Dalam kajian ini analisis kenormalan taburan data adalah berdasarkan kepada histogram, plot batang-dan-daun (*stem-and-leaf*) dan plot kotak (*box-plot*) (Pallant,

2007). Selain itu, analisis deskriptif untuk kenormalan taburan data dilakukan dengan melihat nilai kepencongkan (*skewness*) dan kurtosis. Menurut Ananda (2007), nilai kepencongkan dan kurtosis perlu berada dalam julat di antara -2 dengan +2 dalam mematuhi andaian kenormalan taburan data. Manakala Tabachnick dan Fidell (2001) pula menyatakan masalah kepencongkan dan kurtosis ini dapat dikurangkan apabila bilangan sampel melebihi 200. Dalam hal ini, bilangan sampel kajian ialah 277 dan didapati telah mematuhi andaian kenormalan taburan data berdasarkan pandangan Ananda (2007), (Pallant, 2007), serta Tabachnick dan Fidell (2001) seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran M.

Pada kebiasaannya, ujian yang menggunakan ujian statistik berparameter ini adalah bagi Ujian-t, ANOVA, ANCOVA, MANOVA dan MANCOVA (Fraenkel dan Wallen, 2007). Menurutny lagi, ujian statistik berparameter (Ujian-t) selalu dilakukan bagi menganalisis data-data berbentuk kategori untuk mencari sesuatu perbezaan dan perkadaran. Dalam kajian ini, ANOVA Sehala atau Ujian F digunakan memandangkan terdapat satu pemboleh ubah bersandar dan mempunyai sekurang-kurangnya dua kumpulan skor min (kategori) bagi pemboleh ubah bebas. Ujian-t hanya membenarkan perbandingan dua skor min sahaja tetapi ujian ANOVA membenarkan perbandingan dua atau lebih daripada dua kumpulan min untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara nilai-nilai min tersebut. Selain itu ujian ANOVA ini juga boleh mengurangkan Ralat Jenis I (*Type I error*) berbanding menggunakan Ujian-t beberapa kali yang dilakukan secara berasingan.

Ujian MANOVA (*Multivariate Analysis of Varians*) tidak digunakan disebabkan ujian ini digunakan untuk sekurang-kurangnya dua pemboleh ubah bersandar dan sekurang-kurangnya dua pemboleh ubah bebas. Selain itu adalah memandangkan saiz sampel antara strata jenis sekolah adalah tidak sama (Lokman, 2007). Pandangan ini juga disokong oleh Kamaruzaman (2009) dan Steven (2002) yang menyatakan bilangan

bagi setiap subkumpulan mestilah besar dan bilangan setiap kumpulan adalah lebih kurang sama.

Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat korelasi yang signifikan di antara kejelasan pengetua, kuasa autonomi pengetua dan kawalan pengurusan kewangan sekolah. Bagi melihat hubungan antara dua pemboleh ubah, analisis korelasi yang digunakan adalah berdasarkan nilai pekali korelasi (r) yang berasaskan terjemahan mengikut Guildford (1967) seperti yang ditunjukkan dalam di tunjukkan dalam Jadual 3.8 di bawah ini.

Jadual 3.8 : Nilai pekali korelasi *Pearson r* dan interpretasinya

Nilai pekali korelasi (r)	Interpretasi
Kurang daripada 0.20	Sangat rendah
0.21 - 0.40	Rendah
0.41 - 0.70	Sederhana
0.71 - 0.90	Tinggi
0.91 - 1.00	Sangat tinggi

Sumber : Guildford (1967)

Jadual 3.8 menunjukkan nilai pekali korelasi yang kurang daripada 0.20 adalah sangat rendah, nilai pekali korelasi yang kurang daripada 0.20 adalah sangat rendah, nilai pekali korelasi di antara 0.21 hingga 0.40 adalah rendah, nilai pekali korelasi di antara 0.41 hingga 0.70 adalah sederhana, nilai pekali korelasi di antara 0.71 hingga 0.90 adalah tinggi dan nilai pekali korelasi di antara 0.91 hingga 1.00 adalah sangat tinggi. Di samping itu, garis linear juga bagi setiap dua pemboleh ubah dapat ditunjukkan seperti dalam Lampiran N.

Keteguhan hubungan antara pemboleh ubah ditentukan dengan menggunakan indeks nilai pekali korelasi (r). Sebagai indeks pekali, pekali mempunyai nilai di antara negatif dan nilai positif ($-1 < r < +1$). Nilai sifar tidak mempunyai hubungan antara pemboleh ubah manakala, jika r menghampiri nilai -1 atau $+1$ bermakna hubungan antara pemboleh ubah sangat teguh. Nilai positif bermaksud mempunyai hubungan yang

sama hala manakala nilai negatif memberi maksud hala yang bertentangan (Mohd. Majid, 1998). Bagi memudahkan penganalisan data, pengkaji telah membuat pemetaan kesesuaian penganalisan data menggunakan *SPSS* berbanding dengan soalan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.9 di bawah ini.

Jadual 3.9 : Analisis data kuantitatif berdasarkan soalan kajian


No. Soalan kajian	Analisis data
1. Apakah maklumat punca-punca kewangan sekolah menengah bertaraf PTj di Malaysia ?	Frekuensi/deskriptif • Peratusan • carta garisan
2. Sejauh manakah tahap kejelasan pengetua mengenai pengurusan kewangan sekolah bertaraf PTj?	Frekuensi/deskriptif • Peratusan
3. Sejauh manakah tahap autonomi pengetua sekolah dalam pengurusan kewangan di sekolah bertaraf PTj?	• skor min • sisihan piawai
4. Sejauh manakah tahap kawalan dalam proses pengurusan kewangan sekolah PTj yang meliputi (i) pengurusan terimaan dan pungutan, (ii) pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit, (iii) pengurusan pembelian dan pembayaran, (iv) pengurusan penyata kewangan tahunan sekolah, (v) pengurusan aset dan (vi) pengurusan buku vot dan buku tunai cerakinan?	• carta garisan Skor min 1.00 - 2.33 rendah 2.34 - 3.66 sederhana 3.67 - 5.00 tinggi
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kejelasan pengetua, dalam tahap autonomi pengetua, dan dalam tahap kawalan proses pengurusan kewangan mengikut jenis sekolah?	ANOVA Sehalu
6. Adakah terdapat korelasi di antara kejelasan pengetua, kuasa autonomi dan kawalan pengurusan kewangan sekolah PTj?	Korelasi Nilai pekali korelasi (r) < 0.20 = sangat rendah 0.21----0.40 = rendah 0.41----0.70 = sederhana 0.71----0.90 =tinggi 0.91----1.00 = sangat tinggi
7. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah dalam melaksanakan pengurusan kewangan sekolah PTj?	Frekuensi/deskriptif Peratusan, carta

3.7.2 Analisis data kualitatif

Bagi tujuan penganalisan data kualitatif pula, pengkaji akan membuat transkripsi rakaman temu bual secara verbatim, mengekodkan dengan tema-tema tertentu dan membuat analisis berdasarkan "chunks" yang diperoleh (Lampiran O). Selain itu, pengkaji juga menggunakan hasil dapatan catatan pemerhatian (Lampiran P) dan

catatan bagi semakan dokumen (Lampiran Q) bagi tujuan mengukuhkan dapatan kajian ini.

Tujuan pengekodan dilakukan adalah untuk memudahkan pengkaji membuat penganalisan dan melakukan "audit trail" jika diperlukan. Dalam kajian ini nama dan latar belakang subjek tidak didedahkan untuk menjaga kredibiliti subjek dan organisasi yang diwakilinya. Contoh pengekodan kajian bagi temu bual adalah seperti Rajah 3.3 di bawah ini.



Rajah 3.3 : Contoh pengekodan data kajian kualitatif

Pengekodan juga dilakukan bagi pemerhatian dan semakan dokumen. Setelah pengekodan dilakukan kepada data-data kualitatif, tema-tema dibentuk bagi memudahkan pengkaji membuat triangulasi di antara temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Langkah berikutnya adalah menggabungkan dapatan agar dapat menyokong data-data kuantitatif dan dapat menjawab soalan kajian.

3.8 Rumusan

Secara kesimpulannya, bab tiga ini berperanan menjelaskan kaedah dan reka bentuk kajian yang dijalankan. Melalui bab ini, pengkaji membincangkan tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Selain itu, pengkaji juga menyentuh tentang kaedah pengumpulan data melalui soal selidik, temu bual, semakan dokumen dan pemerhatian dalam melaksanakan kajian ini.

Akhirnya, pengkaji juga membicarakan tentang prosedur menganalisis data kuantitatif dan data kualitatif.

Dalam menganalisis data kuantitatif, statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan. Statistik deskriptif yang digunakan adalah seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai perlu manakala dalam statistik inferensi, ujian ANOVA Sehalal dan ujian korelasi *Pearson r* digunakan. Manakala, data kualitatif dianalisis berdasarkan transkrip secara verbatim temu bual, catatan pemerhatian dan semakan dokumen. Tujuan analisis data kualitatif ini adalah untuk menyokong statistik dan menjawab persoalan yang sukar dijawab dalam dapatan kajian kuantitatif supaya menjadikan kajian ini lebih komprehensif dan lebih bermakna.